

KEDUDUKAN PERUNDANGAN JENAYAH ISLAM DAN ADAT KE ATAS MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU MENURUT PANDANGAN ORIENTALIS: RUJUKAN KHUSUS TERHADAP R.O. WINSTEDT

**Mohd Farhan Abd Rahman, Muhd Imran Abd Razak,
Ahmad Firdaus Mohd Noor, Muhamad Khafiz Abdul Basir,
Nurul Khairiah Khalid**
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar
farhan84@uitm.edu.my

ABSTRAK

R.O. Winstedt merupakan seorang orientalis yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British. Bentuk pemikiran beliau berteraskan falsafah positifisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai pendekatan utama bagi mendapatkan sesuatu fakta keilmuan dengan tepat berdasarkan kaedah penelitian yang sistematik dan teliti. Falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah. Artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap pandangan Winstedt berkaitan undang-undang Jenayah Islam di Tanah Melayu dan pendekatan orientalis dalam menilai Islam dan masyarakat Melayu. Penulis menggunakan kaedah grafisejarah, perbandingan dan analisis kandungan bagi menganalisis pandangan tersebut. Hasil kajian mendapati pendekatan pemikiran orientalis khususnya Winstedt dalam menilai Islam terutamanya sistem perundangan memperlihatkan sudut pandangan yang meragukan dan pertimbangan yang berat sebelah. Winstedt beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana undang-undang Islam pada tanggapan orientalis, kandungannya tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal. Hal ini berpunca dari kelemahan golongan orientalis dalam memahami kandungan Islam disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu Euro-centrism. Pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun berbanding bangsa lain hingga digelar "*ambassador of civilization*" iaitu penyelamat kepada bangsa yang perlu ditamadunkan.

Kata kunci: Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Adat, Tanah Melayu, falsafah positifisme empirik logik, Orientalis.

THE POSITION OF ISLAMIC CRIMINAL LAWS AND CUSTOMARY LAWS TO MALAY SOCIETY IN MALAYA ACCORDING TO ORIENTALIST APPROACH: SPECIAL REVIEW TO R.O. WINSTEDT

ABSTRACT

R.O. Winstedt is an orientalist serving in Malaya as a British administrator. His form of thinking is founded by logical empirical of positivism; a philosophy utilizes *ne plus ultra* of reason as the primary degree to obtain exact truths based on systematic and thorough research methods. The philosophy declines to prove a fact acquired by revelation because it is considered irrelevant in historical verification. This article, then focuses on the analysis of Winstedt's notion to Islamic Criminal laws in Malaya indeed the orientalist approach in evaluating Islam and the Malay. The writers apply historiography, comparing and content analyzing methodologies in this study. The findings suggest that orientalist thinking approaches, particularly Winstedt, have shown a debatable point of view and biased judgment in evaluating Islam i.e. the legal system. Winstedt believes Islamic laws and custom should not be mutually enforced because of the former is intolerable practices in Malaya pertaining to cultural and residential dichotomy. The notion is due to orientalists' shortcoming in understanding Islamic teaching in fact because of European-centric thinking. The thought assemble Europe as a great and civilized nation compared to other races, so called the ambassador of civilization who are the savior of nation that ought to be civilized.

Keywords: Islamic Criminal Laws, Customary Laws, Malaya, logical empirical of positivism, Orientalist.

PENGENALAN

Orientalisme berasal daripada perkataan *orient* yang mendapat tambahan *al* dan *isme*. Perkataan *orient* merupakan kosa kata dari bahasa Perancis yang bermaksud timur. Secara geografinya, *orient* bermaksud dunia timur, sedangkan secara etnologinya ia diertikan sebagai bangsa-bangsa di timur (Joesoef 1985). Manakala perkataan *oriental* dalam bahasa Inggeris bermaksud hal-hal yang berhubungan dengan timur dan perkataan *isme* bermaksud sesuatu fahaman, doktrin, ajaran, sistem, aliran atau sikap (Muin 1978).

Menurut pandangan Hanafi (2000), orientalisme merupakan fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia. Manakala bagi Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

- i. Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.
- ii. Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
- iii. Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ianya berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Abu Lughod (2001, 101-113) turut melontarkan pandangan yang sama berkaitan orientalisme. Beliau mengatakan:

The way in which the Orient has been represented in Europe through an imaginative geography that divides East and West, confirming Western superiority and enabling, if not actually constituting, European domination of those negatively portrayed regions known as East.

Ketiga-tiga pandangan di atas jelas menunjukkan pihak penjajah Barat menginginkan penguasaan ke atas dunia Timur merangkumi agama, budaya dan intelektual, seterusnya menerapkan ideologi yang berkonsepkan sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat tanah jajahan. Menurut al-Attas (1978), permusuhan tradisi antara Kristian dan Islam pada awalnya wujud melalui misi perluasan wilayah dan serangan ketenteraan, kini ia beralih kepada 'peperangan intelektual' yang meletakkan ilmu dan pemikiran umat Islam sebagai sasaran utama yang perlu ditewaskan. Beliau menjelaskan:

The confrontation between Western culture and civilization and Islam... has now moved on to the intellectual level and we must realize, then, that this confrontation is by nature a historically permanent one. Islam is seen by the West as posing a challenge to its very way of life. (Al-Attas 1978, 99)

Kajian penulis memfokuskan kepada R. O. Winstedt, merupakan seorang orientalis yang banyak mengkaji mengenai masyarakat di Tanah Melayu khususnya beragama Islam. Kajian beliau merangkumi bidang keagamaan, budaya, sejarah dan kesusasteraan. Bagi mengkaji pandangan Winstedt terhadap undang-undang jenayah Islam di Tanah Melayu, penulis membuat perbandingan ke atas karya beliau seperti *The Malays: A Cultural History*, *A History of Classical Malay Literature*, *A History of Malaya* dan *A History of Perak*. Ketika di Tanah Melayu, Winstedt cuba melakukan pelbagai perubahan di luar penerimaan masyarakat Melayu dengan menggunakan pandangan peribadinya

yang konservatif terhadap agama Islam seperti dakwaan hanya kuasa Barat sahaja yang mampu memberi kemajuan kepada manusia bukannya Islam.

Penulis turut membawa beberapa pandangan dari tokoh orientalis yang lain seperti Wilkinson, Swettenham dan Rigby yang menyokong pandangan Winstedt terhadap undang-undang jenayah Islam khususnya di Tanah Melayu.

BIODATA RINGKAS R.O. WINSTEDT

Sir Richard Olaf Winstedt dilahirkan pada 2 Ogos 1878 di Oxford, England. Beliau merupakan seorang orientalis Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British bermula dari 1902 hingga 1935. Sepanjang tempoh 33 tahun perkhidmatan Winstedt di Tanah Melayu, beliau memiliki pengalaman dan kemahiran dalam memahami budaya penduduk di Tanah Melayu ketika itu khususnya masyarakat yang beragama Islam (Mohd Zamberi 2014).

Menurut Bastin (1964), Winstedt mendapat pendidikan di Magdalen College School and New College, Oxford. Pada tahun 1902, Winstedt memilih untuk menjadi pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, dan ditempatkan di negeri Perak. Ketika dalam tempoh perkhidmatan tersebut, beliau mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Muhammad Salleh (1989) menyatakan pada akhir Disember 1902, Winstedt telah berkenalan dengan R.J. Wilkinson iaitu individu yang bertanggungjawab memperkenalkan kepada beliau pengkajian sosiologi. Melalui pengaruh Wilkinson, beliau telah dipindahkan ke Kuala Pilah pada tahun 1913 dan dilantik sebagai Pegawai Daerah. Seterusnya pada tahun 1916 beliau menyertai Jabatan Pendidikan. Hasil kesungguhan Winstedt di dalam bidang pendidikan, beliau telah dianugerahkan pangkat DLitt daripada Oxford.

Seterusnya Barrett (1967) menyatakan antara penghormatan yang diperolehi oleh Winstedt sepanjang berkhidmat di bahagian pendidikan adalah beliau dilantik menjadi Presiden pertama kolej Raffles (1921 – 1931) di Singapura. Semasa menjawat jawatan tersebut, beliau turut bertindak sebagai setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi. Pada tahun 1923, beliau telah dilantik memegang jawatan Pengarah Pendidikan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan juga ahli kepada Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Malah, Winstedt juga dilantik sebagai anggota tertinggi kepada Majlis Kebangsaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1927 hingga 1931. Barret turut menjelaskan pada tahun 1931 hingga 1935, Winstedt telah dilantik oleh Sultan Johor sebagai Penasihat Umum kepada negeri Johor. Pada tahun 1935, beliau telah mengambil keputusan untuk bersara dari perkhidmatan kerajaan. Winstedt juga dilantik sebagai tenaga pengajar dalam bidang pengajian Melayu di School of Oriental and African Studies (SOAS), dan turut berkhidmat sebagai ahli Badan Penyelia di institusi tersebut (1939 – 1959). Beliau bersara dari bidang pendidikan pada tahun 1946.

Menurut Adnan (2009), Winstedt telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan di Tanah Melayu dan Singapura mengikut acuan Inggeris. Antara sumbangan beliau yang terpenting ialah penubuhan Sultan Idris Training College pada tahun 1922, yang bertujuan untuk

melahirkan tenaga pengajar Melayu berpendidikan tinggi yang beracuan Inggeris dengan mengabaikan falsafah pendidikan Islam yang ada di institusi pondok ketika itu.

Berdasarkan kajian Muhammad Salleh (1989), segala karya yang dihasilkan oleh Winstedt sepanjang tempoh perkhidmatan di Tanah Melayu mengenai masyarakat Melayu meliputi sejarah, agama, budaya dan bahasa disimpan dan direkodkan di SOAS, London. Antara karya yang dihasilkan oleh Winstedt ialah:

Bil.	Tarikh	Tajuk
1.	1908	<i>Cherita Jenaka</i>
2.	1909	<i>The Circumstances of Malay Life: The Kampong, The House, Furniture, Dress, Food</i>
3.	1914	<i>Hikayat Anggun Che Tunggal</i>
4.	1914	<i>Pantun Melayu</i>
5.	1916	<i>Malayan Memories</i>
6.	1918	<i>Kitab Tawarikh Melayu</i>
7.	1918	<i>The Hindu Element in Malay Marriage Ceremony</i>
8.	1919	<i>Misa Melayu</i>
9.	1920	<i>The Early Muhammadan Missionaries</i>
10.	1920	<i>The Champor Language of Johore and Southern Pahang</i>
11.	1920	<i>Taju's-Salatin</i>
12.	1921	<i>Hikayat Hang Tuah</i>
13.	1921	<i>Indian and Malay Beliefs</i>
14.	1923	<i>Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States</i>
15.	1925	<i>Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic</i>
16.	1927	<i>A Malay Reader</i>
17.	1927	<i>Malay Grammar</i>
18.	1928	<i>Kedah Laws</i>
19.	1932	<i>A History of Johor (1365-1895 A.D.)</i>
20.	1934	<i>A History of Perak</i>
21.	1935	<i>A History of Malaya</i>
22.	1938	<i>The Chronicles of Pasai</i>
23.	1943	<i>Islam in Malaya</i>
24.	1947	<i>The Malays: A Cultural History</i>
25.	1954	<i>A Digest of Customary Law from Sungai Ujong</i>

Jadual 1: Senarai Penerbitan R.O. Winstedt

PENDEKATAN KAJIAN ORIENTALIS TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM

Menurut Said (1977), selain mendakwa Islam merupakan agama palsu ciptaan Nabi Muhammad SAW orientalis turut mengatakan Islam sebagai agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah berasaskan persekitaran beriklim panas hingga dilabel sebagai kasar dan ganas. Golongan ini beranggapan iklim mempengaruhi perwatakan seseorang dan kerana itu Islam dikatakan sudah tidak relevan untuk dijadikan peraturan hidup pada zaman sekarang (Goldziher 1981). Sebagai ganti, orientalis menerapkan bentuk pemikiran berkonsepkan sekularisme iaitu bebas dari sebarang pegangan keagamaan dalam kehidupan seharian serta menggariskan langkah-langkah bagi melakukan kajian terhadap undang-undang Islam iaitu:

Pertama, suatu bentuk piawai kualiti yang ketat diterapkan berkaitan penilaian terhadap sumber rujukan yang membabitkan kajian terhadap undang-undang Islam (Goldziher 1981). Para orientalis begitu teliti dalam menilai kebenaran dan kesahihan karya-karya yang dirujuk oleh sarjana Islam. Namun, golongan ini mempertikaikan kebenaran tersebut dan memilih untuk menerima pakai sumber rujukan milik sarjana orientalis silam yang terang-terangan berunsur berat sebelah terhadap Islam.

Kedua, sebarang kajian terhadap undang-undang Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan "*higher criticism*" (Goldziher 1981). Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Berasaskan kepada pendekatan ini, orientalis cuba membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sumber utama masyarakat Islam.

Goldziher (1981) menggambarkan sistem perundangan Islam sebagai statik dan hanya sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Berdasarkan pemikiran sekularisme, undang-undang Islam dikhususkan bagi urusan keagamaan seperti perkahwinan sahaja dan meletakkan undang-undang Barat sebagai perundangan tertinggi dalam pemerintahan negara. Hal ini boleh dilihat dalam Perlembagaan Tanah Melayu yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Reid, bahawa Islam sebagai agama rasmi bagi upacara keagamaan tetapi tidak mempunyai bidangkuasa perundangan (Spuler 1960). Tindakan di atas jelas menafikan sumbangan ulama yang berperanan besar dalam mencorakkan tamadun yang hebat bagi Tanah Melayu ke arah kemerdekaan. Sekiranya menginginkan kemajuan, masyarakat Melayu perlu menolak undang-undang Islam dan menggantikannya dengan sistem perundangan Barat yang lebih praktikal dan memenuhi kehendak manusia.

PANDANGAN R.O. WINSTEDT TERHADAP UNDANG-UNDANG ISLAM DI TANAH MELAYU

Berdasarkan pembacaan karya-karya Winstedt seperti yang disebutkan sebelum ini, penulis mengenal pasti beberapa pandangan beliau mengenai perundangan

Islam menerusi karya bertajuk *The Malays: A Culture History*, apabila beliau membandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang adat khususnya Minangkabau dari segi pelaksanaan dan penerimaan masyarakat terhadap kedua-dua perundangan tersebut pada masa itu.

Menurut al-Attas (1978), undang-undang Islam merupakan perundangan yang paling adil dan memenuhi segala keperluan manusia. Tetapi, undang-undang ini di Tanah Melayu telah bercampur aduk dengan undang-undang adat yang dicipta oleh manusia untuk menjaga kedudukan sesetengah golongan seperti bangsawan. Winstedt (1969) menjelaskan perbincangan berkenaan Undang-undang 99 Perak sebagai perundangan Islam, berpandangan bahawa undang-undang tersebut telah disesuaikan dengan keadaan tempatan apabila diterima menjadi undang-undang rasmi di Perak sekitar abad ke-17 dan 18.

Selain itu, Winstedt (1961) juga berpandangan bahawa Undang-undang Adat Perpatih dan Adat Temenggong adalah dua jenis perundangan yang berbeza di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan Undang-undang Adat Temenggong mempunyai pengaruh Islam dan Hindu. Manakala, Undang-undang Adat Perpatih pula dikategorikan sebagai undang-undang asal di Tanah Melayu tanpa mempunyai kedua-dua pengaruh tersebut. Dari sudut ini, Winstedt (1988) melihat kedatangan Islam sebagai halangan utama kepada kemajuan undang-undang Melayu terutamanya berkaitan dengan adat dan tidak sesuai diamalkan di Tanah Melayu. Bagi memperjelaskan hujah di atas, penulis memberikan pandangan dari Chee Yunk Yan. Beliau menyatakan:

They perceived Islam and Malay adat laws as irreconcilable and conflicting because Islamic laws originated from a different social context, so it could not practically serve the needs of the Malays.

Beliau turut menambah:

The colonial writers judged Islamic laws as static and arbitrary and that is has a negative impact upon the traditional Malay laws.
(Yunk Yan 2009, 140)

Pandangan Chee Yunk Yan ini menjadi bukti bagaimana penilaian berat sebelah pihak orientalis dalam menilai sesuatu perkara berkaitan Islam jelas terpengaruh dengan pendekatan kajian orientalis klasik yang sangat memusuhi Islam. Swettenham (1893) menjelaskan, Masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dilabel sebagai bangsa yang menolak kemajuan dan perlu ditamadunkan melalui proses penjajahan. Golongan orientalis juga melabel perundangan Islam sebagai kejam, statik dan sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Malah, Swettenham (2005) menambah, keseluruhan sikap negatif masyarakat Melayu berpunca daripada pegangan teguh mereka terhadap Islam seperti berserah kepada takdir, tidak menghargai masa dan menolak kemodenan. Oleh itu, hal ini perlu diubah dengan memperkenalkan sistem pemikiran Barat khususnya perundangan yang dilihat lebih relevan dan fleksibel bagi zaman sekarang.

Ahmad (2005) menjelaskan, termeterainya Perjanjian Pangkor 1874 dan Perjanjian Persekutuan 1895 telah melanjutkan penguasaan penjajah dalam urusan pemerintahan di Tanah Melayu. Kedudukan undang-undang Islam sebagai sumber perundangan utama telah dihadkan kepada urusan berkaitan perkahwinan sahaja. Menurut Jamil (2009), setelah berkuat kuasa perjanjian ini pihak British memperluaskan penguasaan mereka dengan melunturkan dasar-dasar pemerintahan Islam yang terdapat sebelum ini di negeri-negeri Melayu. Percantuman dan keserasian antara agama dengan adat dalam kehidupan masyarakat Islam di Tanah Melayu diasingkan dan keunggulan institusi kesultanan sebagai pelindung adat dipertikaikan.

PERKAITAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN ADAT MENURUT R.O. WINSTEDT

Karya Winstedt yang bertajuk *The Malays: A Culture History* mengandungi pandangan peribadi beliau mengenai undang-undang Islam khususnya jenayah. Menerusi karya ini, Winstedt dilihat banyak melakukan perbandingan antara Undang-undang Adat Temenggong dan Undang-undang 99 Perak. Winstedt (1961, 91) berpandangan:

There are digests, containing traces of Malay indigenous patriarchal law, but mixed with relics of Hindu law and overlaid with Muslim law. This patriarchal law is called Adat Temenggong or law of the Minister for war and police.

Isi perbincangan di dalam karya ini adalah jenis hukuman yang akan dikenakan ke atas pesalah jenayah, selain disabitkan kesalahan di bawah undang-undang Islam, ia turut diselitkan hukuman berkonsepkan denda bagi menebus setiap kesalahan berikut. Bagi hukuman kesalahan mencuri, Winstedt (1961, 102) menjelaskan:

As a rule, it gives the Muslim penalties for crime. Keeping close to Sunni law-books, it exempts the thief of a small sum from amputation. Under the law of Shafi'i, homicide accompanied by robbery was punishable by death, and the corpse was to be exposed on a cross for three days; the Pahang supplement substitutes for crucifixion the ancient punishment of impaling, borrowed by the Malays from the Hindu as a punishment for robbery, and lays it down that the malefactor the impaled for three days.

Hasil pandangan di atas, Winstedt menjelaskan terdapat pengaruh Islam dan Hindu dalam Undang-undang Adat Temenggong yang menyebabkan kefahaman masyarakat Melayu terhadap perundangan Islam itu sendiri menjadi tidak kukuh. Masyarakat Melayu akan menghadapi kesukaran untuk menilai manakah perundangan Islam yang tulen dan sesuai untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul.

Menerusi Undang-undang 99 Perak pula, Winstedt (1961, 103) mengatakan:

The Muslim guilty of homicide was to pay a fine and to provide a buffalo or a white goat or a white camel for the funeral feast. Even an infidel was not to be put to death for homicide.

Kadar bayaran denda bagi setiap kesalahan yang dilakukan adalah berbeza mengikut tahap kecederaan yang didatangkan oleh pesalah terbabit. Sebagai contoh, beliau menyatakan:

As for wounding, if the hurt were above the navel, blood money of \$25 was to be paid; if below the navel, \$5, and if there were only slight bleeding, an offering of white cloth sufficed. Whatever crime a man committed, these Sayid Justiciars held that, provided he could pay the proper fine, his sins should be pardoned in this world. (Winstedt 1961, 103)

Menurut Rigby (1908), dalam kes jenayah bunuh sesama orang Islam pembunuh itu tidak boleh dikenakan hukuman bunuh, tetapi hakim hanya akan mendendanya sebanyak lima tahlil emas dan dikenakan tindakan membuat kenduri dengan menyembelih seekor kerbau ataupun kambing putih. Berbeza pula hukumannya jika orang bukan Islam membunuh orang Islam. Orang bukan Islam tidak boleh dikenakan hukuman bunuh balas (qisas), tetapi sekiranya pembunuh itu beragama Islam dan yang dibunuh itu bukan Islam, pembunuh tersebut akan dikenakan hukuman bunuh. Namun, sekiranya pembunuh tersebut mampu membayar pampasan sebanyak sepuluh tahlil emas kepada keluarga si mati individu tersebut akan dilepaskan.

Bagi penulis, pandangan kedua-dua orientalis di atas menunjukkan mereka tidak begitu memahami kandungan sebenar undang-undang Islam. Pandangan di mana undang-undang Islam tidak sesuai untuk dipraktikkan di Tanah Melayu melainkan ia perlu diperadatkan mengikut keadaan tempatan adalah kurang tepat. Pandangan sebegini akan menjadikan perundangan Islam dipandang remeh dan dianggap sebagai satu bebanan kepada masyarakat yang begitu berpegang teguh dengan adat untuk mengetepikan adat dan mengutamakan undang-undang Islam.

Winstedt juga mengangkat kedudukan undang-undang adat berbanding undang-undang Islam berkaitan hukum hudud. Beliau mengatakan:

Those taken in adultery might be stoned to death under Muhammadan Law. But over the relation of the sexes the adoption of that law was as gradual as in order fields of jurisprudence. Brutal as many of the penalties in the Malacca digest are, its mediaeval customary law was more lenient towards sexual offences than contemporary Muslim practice. (Winstedt 1961, 105)

Menerusi pandangan ini, beliau jelas melabelkan undang-undang adat sebagai tidak zalim dan lebih memenuhi kehendak masyarakat. Buktinya dapat dilihat dengan ungkapan beliau iaitu "*was more lenient*" berdasarkan pandangan di atas tadi. Bagi penulis, apa yang diperkatakan oleh Winstedt ini adalah untuk memperkecilkan pengaruh undang-undang Islam dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Tanah Melayu. Menurut Hashim (2001), matlamat utama pihak Barat mengeluarkan pandangan sebegini adalah untuk memisahkan para penganut agama Islam dari asas-asas agama dan juga bertujuan untuk menjadikan agama itu tidak berperanan besar dalam kehidupan mereka.

Selain itu, Winstedt turut mengatakan:

According to the 18th century Ninety-Nine Laws of Perak, the seducer of a betrothed girl was merely fined and married off, that is, if he could pay the fine and provide double the dowry (half of it for the jilted suitor), though if the seducer could not pay, he was not to be married but banished, beaten and plundered; and if fines were not paid, the woman was to have her head shaved and be pilloried at the door of the mosque. (Winstedt 1961, 105)

Ciri-ciri hukuman di atas dilihat lebih mengutamakan penggunaan adat seperti denda dan sebagainya dalam menghukum pesalah jenayah berbanding undang-undang Islam. Menurut Ahmad Jelani (2007), Undang-undang 99 Perak dilihat mengandungi kepentingan peribadi bagi menjaga kedudukan golongan elit seperti bangsawan mahupun individu yang memiliki pangkat di dalam masyarakat.

Jenis kesalahan lain yang melibatkan hukuman denda ialah zina. Walaupun ia dikategorikan sebagai kesalahan hudud, namun di Tanah Melayu hukuman tersebut telah diperadatkan mengikut kesesuaian keadaan tempatan hingga tidak menyerupai hukuman asal. Winstedt (1961, 105) menjelaskan:

In the Malacca digest it is stated that by customary law, if a man killed anyone making overtures to his wife or daughter, he was merely fined, and if a man raped a slave-girl, he had only to marry her or be fined, whereas Shafi`ite law would admittedly sentence him to death by lapidation.

Melalui pandangan di atas, dapat difahami bahawa wujud prasangka bersifat berat sebelah dalam menilai keadilan sesuatu peruntukan undang-undang ke atas pesalah jenayah. Malah, pandangan Winstedt di atas jelas menunjukkan di mana kedudukan sebenar undang-undang Islam dalam mengadili kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Menurut Liaw Yock Fang (1976), dalam kes zina hanya Hukum Kanun Melaka yang diketahui benar-benar mengikut peruntukan undang-undang Islam cuma kekurangannya hanyalah undang-undang tersebut kadang-kala mempunyai pilihan dengan undang-undang adat.

Selain itu, hukuman denda turut digunakan sebagai salah satu sumber pendapatan kepada pemerintah. Winstedt (1961, 108) mengatakan:

For not only was suppression of crime the main object of law in a port kingdom but fines were a profitable source of income to rulers and chiefs.

Secara tidak langsung, undang-undang tersebut dilihat mempunyai unsur materialistik selain boleh menebus semua kesalahan yang dilakukan dengan wang mahupun emas. Bagi penulis, sekiranya kita mempunyai harta, segala masalah boleh diselesaikan dengan mudah walaupun hukuman yang dikenakan itu tidak adil dan menzalimi golongan yang tidak berkemampuan seperti orang miskin dan hamba.

Pandangan Winstedt ini jelas menunjukkan beliau menolak kewibawaan perundangan Islam. Beliau hanya meletakkan kewibawaan tersebut kepada undang-undang kekeluargaan sahaja bukan merangkumi keseluruhan hidup manusia. Penulis memetik pandangan dari R.J. Wilkinson yang memberikan pendapat berkenaan kesan pengaruh undang-undang Islam ke atas kehidupan masyarakat di Tanah Melayu merangkumi hal seperti perkahwinan, jenayah dan sebagainya. Adakah ia betul-betul memberikan kesan yang mendalam ke atas masyarakat Melayu atau sekadar dijadikan sebagai undang-undang tambahan untuk dimasukkan ke dalam undang-undang adat. Beliau mengatakan:

Notwithstanding the influence of Muslim law in Malaya, it had not supplanted the local adat in its entirety. It was accepted in the religious matters, in family law and the law of succession, but in order matters the adat prevailed with only some Muslim additions incorporated in it in the course of centuries. (Wilkinson 1908, 48)

Penjelasan dari R.J. Wilkinson ini menjadi bukti betapa undang-undang Islam pada pandangan orientalis tidak memberi pengaruh yang kuat ke atas keseluruhan kehidupan masyarakat di Tanah Melayu. Bagi penulis, kedua-dua orientalis ini mengetahui kebenaran bahawa Islam memang mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu apabila mengeluarkan beberapa pandangan yang negatif berkaitan perundangan Islam supaya dapat mengubah pendirian masyarakat daripada kuat kepada goyah.

Bagi menguatkan hujah di atas, penulis merujuk pandangan Aliza. Beliau menyatakan sebab kepada penilaian negatif pihak penjajah terhadap Islam termasuklah perundangannya disebabkan oleh:

Pengalaman beragama yang pahit dalam sejarah kebudayaan Barat serta pertembungan dengan agama serta kebudayaan Islam dalam sejarah dunia telah mencorakkan penilaian umum orientalis terhadap agama Islam. Keraguan yang terbit akibat dari sifat dan pembawaan agama mereka sendiri serta prasangka yang menebal terhadap hakikat risalah Islam serta pembawanya, akhirnya

menjadikan kebenaran semua agama dilihat tidak lebih dari kebenaran falsafah. Agama yang ditanggapi dalam telaah sejarah penulis orientalis ini adalah agama yang mesti berubah mengikut peredaran zaman hingga mampu menjadi batu loncatan mencapai cita-cita pembangunan atau sebaliknya, agama yang jumud, yang layak dicerca sebagai batu penghalang. (Aliza 2012, 612)

Berdasarkan pelbagai pandangan di atas, penulis beranggapan bahawa pandangan kedua-dua tokoh orientalis di atas jelas didasari oleh sudut penilaian sejarah yang berasaskan prasangka negatif hingga Islam dinilai sebagai tidak mampu memenuhi kehendak masyarakat dan tidak mengikut peredaran zaman.

KESIMPULAN

Pendekatan pemikiran Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu jelas memperlihatkan sudut pandangan yang skeptikal (meragukan) hingga hampir semua penulisannya mengenai Islam dan masyarakat Melayu berdasarkan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah tamadun Melayu. Pandangan beliau ini berdasarkan paradigma evolusi dan difusi yang terdapat dalam pendekatan orientalisme. Beliau meletakkan pendekatan logik akal pada tahap yang tinggi, hingga berpendapat segala tradisi, adab dan tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipersoalkan kesahihannya.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bagi penulis, tidak menghilangkan terus pengaruh adat dari kehidupan masyarakat Melayu. Malah kedatangan tersebut dilihat dari sudut positif sebagai "*led to a selective syncretisation*" iaitu mana-mana adat yang dianggap sesuai dan tidak bercanggah dengan Islam akan dikekalkan seperti biasa. Hujah di atas adalah bercanggah dengan pandangan Winstedt yang beranggapan undang-undang Islam dan adat tidak boleh dilaksanakan bersama kerana undang-undang Islam pada tanggapan orientalis, kandungannya tidak sesuai untuk diamalkan di Tanah Melayu disebabkan perbezaan budaya dan tempat tinggal.

Winstedt melabel masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah dari segenap segi seperti ketinggalan dalam aspek kemajuan dan pemodenan disebabkan berpegang kepada agama Islam. Winstedt dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism*. Sudut pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun melebihi bangsa yang tinggal di Asia merangkumi Timur Tengah dan juga di Tanah Melayu. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, pihak British dianggap sebagai "*ambassador of civilization*" iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila Winstedt menjadikan pendekatan *Euro-Centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata beliau belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam mentafsirkan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

BIBLIOGRAFI

- Abu-Lughod, L. (2001). Orientalism and Middle East Feminist Studies. *Feminist Studies*, 27(1): 101-113.
- Adnan, N. (2009). *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Jelani, H. (2007). Pengaruh Islam Terhadap Perundangan Melayu: Tumpuan Kepada Undang-undang 99 Perak. Dalam Farid, M.Z. (Ed.). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Ahmad, I. & Ahilemah, J. (2005). *Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Aliza, E. (2012). Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu. Dalam Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Eds.). *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Barrett, E.C.G. (1967). Obituary: Sir Richard Winstedt. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. 30(1). London: University of London. pp. 272-275.
- Bastin, J.S. (1964). *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthdays*. Oxford: Clarendon Press.
- Fang, L.Y. (1976). *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Goldziher, I. (1981). *Introduction to Islamic Theology and Law*. (Andras & Ruth, H., Terj.). Princeton: Princeton University Press.
- Hanafi, H. (2000). *Oksidentalisme: Sikap Kita Terhadap Tradisi Barat*. (Najib, B., Terj.), Jakarta: Paramadina.
- Hashim, M. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Joesoef, S.H.M. (1985). *Orientalisme dan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Mohd Jamil, M. (2009). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.
- Mohd Zamberi, A.M. (2014). *Sir Richard Olaf Winstedt: Orientalis atau Sarjana*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Salleh (1989). Richard Winstedt: Sarjana Atau Penulis Kolonial? (Kertas kerja Persidangan Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin, 3 April 1989).
- Muin, U. (1978). *Orientalisme dan Kajian Tentang Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Rigby, J. (1908). The Ninety-nine Laws of Perak. Dalam Wilkinson, R.J. (Ed.). *Papers on Malay Subjects: Law Part 1*. Kuala Lumpur: Government of the Federated Malay State.
- Said, E.W. (1977). *Orientalism*. London: Penguin.

- Spuler, B. (1960). *The Muslim World: A Historical Survey*. Leiden: E.J. Brill.
- Swettenham, F. (1893). *About Perak*. Singapura: Straits Times Press.
- Swettenham, F. (2005). *Perihal Orang Melayu. c.2.* (Zubaidah, I., Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wilkinson, R.J. (1908). *Papers on Malay Subjects: Law Part 1*. Kuala Lumpur: Government of the Federated Malay State.
- Winstedt, R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winstedt, R.O. (1988). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Winstedt, R.O. 1961, *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Yan, C.Y. (2009). Colonial Image of Malay Adat Laws: A Critical Appraisal of Studies on Adat Laws in the Malay Peninsula during the Colonial Era and Some continuities by Noor Aisha Abdul Rahman. *New Era College Academic Journal*. v. 6.